

17 NOV 1999

Pilihan raya-PPP

KAYVEAS MINTA ANGGOTA PPP TERUS BERTENANG

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Sehari selepas diberitahu bahawa Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) (PPP) tidak diperuntukkan kerusi untuk ditandingi pada pilihan raya umum 29 Nov ini, presidennya Datuk M. Kayveas meminta anggota parti itu terus bertenang.

"Politik bukan sahaja untuk mendapat kerusi tetapi ia mesti dilihat dengan pandangan yang lebih luas," katanya setelah beberapa anggota parti terus berkumpul di ibu pejabat PPP di sini bagi menyuarakan rasa tidak puas hati mereka kerana parti terbabit tidak diperuntukkan kerusi oleh Barisan Nasional.

Pegawai parti itu berkata ramai anggotanya hampir-hampir menitikiskan air mata apabila mereka mengetahui bahawa PPP tidak diperuntukkan kerusi.

"Suasana keseluruhannya mungkin berbeza jika kita sekurang-kurangnya diberikan satu kerusi," kata seorang pegawai parti.

Katanya anggota parti terbabit telah meminta Kayveas merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN supaya menimbang semula keputusan itu.

"Kami merasa kecewa. Sukar mempercayai bahawa sebuah parti yang mempunyai kekuatan sebegitu dan sering bekerja keras untuk BN tidak mendapat kerusi," katanya seorang pegawai PPP.

"Tapi kami percaya bahawa ia tidak berakhir di sini. Kami berharap ada benda baik yang lain untuk kami. Apapun, kami komited sepenuhnya dalam memastikan kejayaan BN pada pilihan raya kali ini," kata seorang anggota.

Kayveas selepas bertemu Dr Mahathir semalam berkata parti itu tidak diberikan kerusi kerana bilangan kerusi di Semenanjung Malaysia kekal seperti tahun-tahun sebelumnya.

Sementara itu, anggota parti mendesak supaya mesyuarat agung tergepar diadakan Ahad ini bagi membincangkan perkembangan terbaru dalam parti berkenaan.

PPP mendakwa ia mempunyai 250,000 anggota di 3,700 cawangan.

Kayveas mengesahkan anggota parti meminta diadakan mesyuarat tergepar itu.

"Saya menyerahkannya kepada setiausaha agung parti untuk menyakinkan saya mengenai perlunya mesyuarat itu," katanya kepada Bernama.

-- BERNAMA

RV LAT MAI